

01/07/2001

Kuala Lumpur bergemerlapan

Zainuddin Ayip

PEN dan buku nota kecil adalah bekalan Perdana Menteri ketika membuat tinjauan di Kuala Lumpur pada waktu malam. Bukan sekali dua, malah sudah banyak kali Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkereta melihat sendiri keindahan ibu negara selain mengesan apa yang cacat dan kurang.

Jika ada yang tidak kena seperti kotor, bangunan usang, lanskap dan hiasan taman tidak menarik serta kesesakan lalu lintas, beliau akan mengemukakan dalam mesyuarat mingguan kabinet atau terus merujuk kepada Datuk Bandar Kuala Lumpur.

Kecintaannya terhadap ibu negara tidak berbelah bagi kerana beliau mahu Kuala Lumpur sentiasa bersih, cantik dan nyaman.

Namun, kebelakangan ini Dr Mahathir melihat ada sesuatu yang tidak kena. Beliau mendapati Kuala Lumpur tidak berseri dan kelihatan tidak bermaya pada waktu malam, tidak seperti kota New York, Paris, London dan Tokyo yang terus bergemerlapan.

Sehubungan itu, apabila malam, beliau mahu Kuala Lumpur bermandikan cahaya berwarna-warni. Beliau menggesa semua pemilik bangunan tinggi di ibu negara memasang apa juga jenis lampu baik dari dalam bangunan, luar atau persekitarannya.

"Saya mahu lihat dalam tempoh sebulan bermula 17 Ogos depan, Kuala Lumpur akan bermandikan cahaya. Saya akan catat sendiri bangunan mana yang tidak terang benderang, katanya dalam majlis jamuan malam dan perbincangan dengan persatuan yang terbabit dalam industri pelancongan di ibu negara, Isnin lalu.

Beliau berkata, usaha menjadikan Kuala Lumpur lebih bercahaya dan indah pada waktu malam dapat membantu menarik kehadiran pelancong asing.

"Saya meminta pemilik bangunan berbuat demikian untuk tujuan pelancongan dan sambutan Hari Kebangsaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Tenaga Nasional Berhad sudah memberi komitmen untuk menawarkan diskaun 50 peratus bagi bil elektrik kepada pemilik bangunan yang menggunakan bekalan elektrik melebihi daripada apa yang biasa mereka gunakan.

"Saya berharap semua pihak terutama swasta menyambut baik saranan saya," kata beliau sambil berharap Kuala Lumpur suatu hari nanti akan kelihatan indah seperti New York pada waktu malam.

Dr Mahathir berkata, beliau sendiri akan memantau kemajuan yang dicapai oleh pemilik bangunan untuk menyalakan lampu sepanjang tempoh itu. "Saya akan memandu pada waktu malam dan membuat pemerhatian serta catatan," katanya.

Menara Kembar Petronas yang diiktiraf tertinggi di dunia adalah bangunan terbaik untuk mencerikan Kuala Lumpur pada waktu malam. Alangkah baiknya jika KLCC bermandikan cahaya berwarna-warni seperti hotel paling mewah di dunia - Burj Al-Arab di Dubai yang bertukar warna setiap 10 minit.

Ini bukan saja menjadi daya tarikan pelancong, malah warga kota juga akan berasa megah dan terhibur selain dapat menenangkan fikiran ketika melihat mercu tanda Kuala Lumpur itu silih berganti warna.

Malah Bangunan Parlimen, Istana Budaya, Balai Seni Lukis Negara, Menara KL, bangunan Sultan Abdul Samad dan Menara Maybank selain deretan hotel dan bangunan di Jalan Sultan Ismail boleh bermandikan cahaya bermula jam 8.00 malam.

Dalam tinjauan Berita Minggu malam kelmarin, banyak bangunan pencakar langit di ibu negara termasuk KLCC sudah bermandikan cahaya walaupun masih

ada bangunan tinggi kelihatan malam dan tidur pada waktu malam.

Selain itu, usaha DBKL memasang lampu pada dahan pokok di tepi jalan juga menyegarkan mata pemandu yang menggunakan jalan itu.

Adalah lebih menarik jika pertandingan membina pintu gerbang yang disertai badan kerajaan dan swasta diadakan semula sempena sambutan Hari Kebangsaan.

Perdana Menteri juga berharap semua pemilik bangunan termasuk stesen minyak mengibarkan bendera Malaysia dan mengedarkannya kepada pengguna.

"Tolong bantu dengan menyumbang seberapa banyak yang mungkin untuk mengedarkan bendera," katanya yang berharap sambutan ulang tahun kemerdekaan tahun ini turut dinikmati pelancong asing.

Dr Mahathir juga menasihatkan pengusaha hotel dan pihak lain yang terbabit dalam industri pelancongan memberi layanan mesra dan perkhidmatan terbaik kepada pelancong.

"Berilah layanan baik kepada mereka yang mendatangkan sumber hasil negara. Ajaklah agar mereka berkunjung lagi ke negara ini pada masa depan," katanya.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir pula berkata, Malaysia terus menjadi tumpuan pelancong luar negara. Malah sejak Disember tahun lalu, sejuta pelancong tiba di Malaysia dicatatkan setiap bulan.

"Sepanjang enam bulan tahun ini, tujuh juta pelancong sudah datang, malah menjelang September depan, apabila Malaysia menjadi tuan rumah Sukan SEA, sudah pasti pelancong terus bertambah," katanya.

Katanya, pencapaian ini amat membanggakan dan berharap ini dapat diteruskan pada masa depan.

Beliau berkata, pada 1998, seramai 5.5 juta pelancong datang ke negara ini dan bertambah menjadi 7.9 juta (1999), 10 juta (2000) dan mungkin mencecah lebih 12 juta tahun ini.

Namun, cabaran mengekalkan arus kedatangan pelancong amat kuat kerana negara jiran terutama Thailand dan Indonesia juga ada program tersendiri untuk menarik pelancong asing.

"Negara jiran sedar industri pelancongan hanya memerlukan modal yang kecil tetapi mendatangkan pulangan amat besar. Kita juga ada program berterusan termasuk bulan ini yang diisytiharkan sebagai Pesta Makanan dan Buah-buahan," katanya.

Apa pun, sumbangan sektor swasta amat diperlukan bagi menggalakkan pertumbuhan industri pelancongan selain bergerak bersama-sama kerajaan sebagai satu barisan untuk memastikan Malaysia menjadi negara pelancongan terkemuka di rantau ini.

(END)